

04/02/2003

Patuhi pelan damai PM: Ong

KUALA LUMPUR: Ketua Pemuda MCA, Datuk Ong Tee Keat mendesak pucuk kepimpinan parti patuh kepada pelan damai Perdana Menteri dalam menyelesaikan masalah kekosongan jawatan, khususnya Ketua Pemuda Negeri.

Katanya, ia penting untuk memadamkan apa yang didakwa sebagai 'api kemarahan' ahli peringkat akar umbi dan mengelak krisis dalaman MCA bertambah parah, terutama menjelang pilihan raya.

Beliau yang mengakui dirinya 'dipinggirkan' terus oleh pucuk kepimpinan parti dalam menyelesaikan masalah kekosongan jawatan berkenaan berkata, krisis dalaman MCA semakin meruncing berikutan kegagalan pucuk kepimpinan mematuhi syarat pelan damai yang boleh menjejaskan persiapan parti menjelang pilihan raya.

"Saya menerima banyak aduan pemimpin akar umbi yang tidak puas hati terhadap tindakan Jawatankuasa Pusat (CC) MCA baru-baru ini yang melantik

Wong Koon Mun sebagai Ketua Pemuda MCA Selangor dan menetapkan kekosongan

jawatan ketua Pemuda Wilayah Persekutuan, Pulau Pinang dan Negeri Sembilan

diserahkan kepada kuasa pengerusi negeri untuk menyelesaikannya.

"Kami kecewa dengan keputusan tidak demokratik CC yang dipengerusikan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik itu. Presiden sengaja mempersendakan kebijaksanaan dan integriti Pemuda MCA serta memusnahkan pelan damai.

"Masalahnya sekarang, saya sebagai Ketua Pemuda menghadapi kesukaran untuk menyelaras program dan persiapan menjelang pilihan raya di semua negeri berikutan krisis dalaman ini," katanya kepada Berita Harian semalam.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengemukakan pelan damai berasaskan perlantikan sebulat suara bagi meredakan kemelut pasukan A dan B dalam parti itu.

Mengikut pelan damai itu semua penyandang jawatan bagi penggal 1999 hingga 2002 dikekalkan dan sebarang kekosongan khususnya penyandang jawatan

dalam Pemuda MCA yang melebihi had umur 45 tahun diisi melalui perbincangan dan persetujuan.

Ong berkata, keputusan CC itu menyebabkan perpecahan dalam pergerakan berkenaan, sekali gus menjejaskan bukan saja persiapan Pemuda, malah parti

secara keseluruhan untuk menghadapi pilihan raya.